

15/01/2000

Zaharah anggap sokongan memberangsangkan

KUANTAN, Jumaat - Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menyifatkan sokongan 11 Pergerakan Wanita Umno negeri kepadanya untuk mempertahankan jawatan ketua pergerakan itu dalam pemilihan parti, Mei ini, sebagai memberangsangkan.

Katanya, ia juga menjadi pencetus semangat bagi beliau meneruskan usaha sebagai ketua wanita Umno, lebih-lebih lagi selepas melalui pelbagai isu dan peristiwa sejak memegang jawatan itu.

"Saya akan mempertahankan jawatan itu bukan saja disebabkan baru sepeinggal menjadi ketua wanita Umno tetapi juga mahu memikul tanggungjawab bersama pemimpin wanita lain untuk meneruskan perjuangan bagi kepentingan Umno.

"Oleh itu, saya berterima kasih di atas sokongan diberikan dan berharap mereka bersedia bekerjasama dengan saya selaras dengan kehendak parti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di Dewan Konvensyen Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Ahli Exco Kerajaan Negeri dan ketua jabatan.

Dalam satu pertemuan sempena lawatan Dr Siti Zaharah ke Ipoh, semalam, 11 Pergerakan Wanita Umno berikrar menyokong Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu mempertahankan jawatan ketua wanita Umno.

Sebelas negeri itu ialah Perak, Kedah, Terengganu, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Melaka dan Sabah.

Setakat ini, Ketua Wanita Umno Negeri Sembilan, Datuk Napsiah Omar menawarkan diri untuk bertanding jawatan yang dipegang Dr Siti Zaharah sejak tahun 1996 itu.

Menurut Dr Siti Zaharah, ketika beliau mengambil alih jawatan berkenaan, pergerakan itu dalam keadaan tidak sempurna, malah tidak mantap dan tidak bersatu.

"Setahun kemudian, kita menghadapi kegawatan ekonomi dan selepas itu, berlaku krisis kepemimpinan," katanya.

Melihat semua cabaran itu, beliau berkata, ia tidak menghalangnya untuk meneruskan tanggungjawab sebagai ketua wanita Umno.

"Dengan sokongan padu 11 pergerakan itu, peluang saya untuk mempertahankan jawatan adalah baik," katanya.

Menjawab soalan, beliau yakin sokongan itu akan dikotakan dalam pemilihan parti kelak.

"Kita mesti mengamalkan apa yang diucapkan seperti dikehendaki Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)